



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

**PENDAKWAAN KES TERHADAP PEMILIK BAS PERSIARAN
YANG MELIBATKAN KEMALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

PUTRAJAYA, 6 November 2025 – Mahkamah Majistret Gerik, Perak pada 3 November 2025 telah mensabitkan Kenari Utara Travel & Tours Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 806799-V) atas dua pertuduhan di bawah Peraturan 6(1)(f) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan 1992 [P.U.(A) 333/1992] kerana gagal mematuhi syarat lesen yang melarang urus niaga dengan pihak tidak berlesen.

Syarikat tersebut mengaku bersalah atas kesalahan menjual bas persiaran bernombor pendaftaran PLD 8892 dan menyewa permit kenderaan berkenaan kepada Noreen Maju Trading (No. Pendaftaran Perniagaan: 202003054997), sebuah entiti yang menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan tanpa lesen di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

Tragedi berlaku pada 9 Jun 2025 apabila bas PLD 8892 yang dikendalikan oleh Noreen Maju Trading terlibat dalam kemalangan maut di Gerik, Perak, ketika membawa sekumpulan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pulang ke kampus Tanjung Malim.

Hakim Mahkamah Majistret, Tuan Muhammad Firdaus bin Nor Azlan, menjatuhkan hukuman denda RM10,000 bagi setiap pertuduhan,

menjadikan jumlah keseluruhan RM20,000. Kegagalan membayar boleh membawa hukuman penjara sehingga lima (5) tahun. Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Puan Siti Zulaikha binti Mahadi, bersama Pegawai Pendakwa MOTAC, Puan Nurul Hidayah binti Aman.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menegaskan bahawa pelanggaran Akta 482 dan peraturannya merupakan kesalahan jenayah serius. MOTAC komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang mengancam keselamatan dan integriti industri pelancongan negara.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

